

11/05/1999

Usah buat helah: Daim (HL)

Hassan Omar

SUNGAI PETANI, Isnin - Semua kementerian perlu menyemak dulu peruntukan projek pembangunan yang dikeluarkan Perbendaharaan, sebelum memberi alasan berhubung kelewatan pelaksanaannya.

Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, menegaskan kementeriannya tidak akan mengeluarkan kenyataan mengenai agensi kerajaan yang gagal membelanjakan peruntukan pembangunan tanpa bukti.

"Saya tak mahu berdebat perkara ini dalam akhbar. Yang mustahaknya kita mesti siasat terlebih dulu.

"Kementerian Kewangan tidak akan mengeluarkan sesuatu kenyataan melainkan ada bukti. Jadi saya harap setiap kementerian menyemak kedudukan. Lebih baik kurang bercakap, buat kerja," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas menyampaikan sijil Kursus Motivasi Pendidikan Anak-anak Yatim kawasan Parlimen Merbok, anjuran Pergerakan Wanita Umno bahagian itu, di Institut Teknologi Mara (ITM) cawangan Kedah di Merbok, dekat sini hari ini.

Daim mengulas kenyataan beberapa menteri yang menjelaskan kenapa kementerian mereka gagal atau kurang membelanjakan peruntukan pembangunan bagi suku pertama tahun ini, walaupun sudah diluluskan.

Semalam, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata sebahagian projek yang diluluskan kementeriannya tidak boleh dimulakan kerana belum menerima waran peruntukan daripada Perbendaharaan.

Tanpa peruntukan, katanya, jabatan dan agensi di bawah kementeriannya tidak mungkin dapat mengarahkan kontraktor memulakan projek terbabit.

Kementerian Kerjaraya ialah satu daripada 16 agensi kerajaan yang belum membelanjakan sepenuhnya peruntukan itu.

Dalam tempoh suku pertama tahun ini, hanya 3.5 peratus daripada perbelanjaan pembangunan yang diperuntukkan kerajaan digunakan, berbanding 11.1 peratus bagi tempoh sama tahun lalu.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Seri Sabbaruddin Chik, juga dilaporkan berkata, kementeriannya belum menerima satu sen pun peruntukan RM150 juta untuk menjalankan pelbagai kegiatan promosinya, tahun ini.

Daim menjelaskan, Kementerian Kewangan sudah mengeluarkan waran bagi setiap peruntukan dalam Belanjawan 1999, yang dibentangkan Perdana Menteri di Parlimen Oktober lalu, sebaik saja Dewan Negara meluluskannya.

Menurutnya, waran berjumlah RM2 bilion bagi suku pertama tahun ini dikeluarkan pada minggu pertama Januari lalu, untuk diagih-agihkan kepada setiap kementerian.

Waran itu adalah sebahagian daripada keseluruhan peruntukan RM17.36 bilion untuk pelaksanaan projek pembangunan tahun ini.

Daim berkata, bagi memastikan peruntukan itu sudah diterima dan digunakan, adalah lebih baik semua menteri mempengerusikan mesyuarat dua kali seminggu bagi memantau projek pembangunan seperti diarah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada mesyuarat Kabinet, Rabu lalu.

"Saya kalau boleh, pada suku pertama, saya nak bagi lebih (daripada RM2 bilion). Kalau suku pertama pun tak boleh belanja, macam mana?" katanya.

Beliau berkata, kerajaan bertanggungjawab memastikan projek pembangunan dilaksanakan mengikut jadual kerana sektor swasta tidak mampu berbuat demikian sekarang kerana kegawatan ekonomi.

Sambil menegaskan kegiatan ekonomi harus mampu dilaksanakan sejak awal tahun, Daim berkata, pelaksanaan akhir tahun dianggap lambat kerana

belanjawan tahun berikutnya sudah dibentangkan.
(END)